

## ULASAN BUKU: PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU PENDIDIKAN ISLAM

Wan Nur Adlin Binti Wan Mohd Zamanhuri  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
Email: [wannuradlin02@gmail.com](mailto:wannuradlin02@gmail.com)

Nur Auni Binti Samsuddin  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
Email: [auni89043@gmail.com](mailto:auni89043@gmail.com)

Aisyah Najwa Binti Kamalruzaman  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
Email: [aisyhnjwa@gmail.com](mailto:aisyhnjwa@gmail.com)

Noornajihan Jaafar  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
Email: [noornajihan@usim.edu.my](mailto:noornajihan@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Buku bertajuk “Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam” ini meneroka tentang profesionalisme guru secara menyeluruh dalam pendidikan Islam. Ia mendalamai pelbagai aspek penting tentang pembangunan guru pendidikan Islam merangkumi spektrum pendidikan, psikologi pendidikan, profesionalisme guru pendidikan Islam dan isu-isu semasa dalam bidang pendidikan Islam. Bermula dengan kepentingan pendidikan dalam Islam, buku ini mengetengahkan penekanan al-Quran terhadap ilmu dan peranan Nabi Muhammad SAW sebagai pendidik yang boleh dicontohi. Ia menekankan perkembangan holistik pelajar, memberi tumpuan kepada aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Buku ini mengupas lagi perkembangan profesionalisme guru melalui perspektif psikologi, membandingkan pandangan Islam dan Barat tentang pendidikan. Ia menekankan integrasi pembelajaran akademik dengan pertumbuhan jiwa, mencadangkan bahawa pengetahuan harus seimbang dengan pertimbangan emosi dan rohani. Faktor motivasi dan personaliti yang mempengaruhi pendidik Muslim turut dibincangkan, menekankan kesannya terhadap profesionalisme guru Pendidikan Islam. Buku ini diakhiri dengan perbincangan terperinci mengenai penguasaan ilmu, pemikiran Rabbani, dan konsep kendiri sebagai komponen penting dalam profesionalisme guru pendidikan Islam. Hasil kajian daripada buku ini menyimpulkan kepentingan meningkatkan profesionalisme guru pendidikan Islam dengan menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan kerana pendidikan Islam merangkumi aspek rohani dan jasmani. Ia menekankan keperluan sokongan masyarakat yang bertujuan untuk memastabatkan agama Islam dan mencapai keredhaan Allah.

**Kata kunci:** Profesionalisme guru, Pendidikan Islam

### 1. Pendahuluan

Peranan guru dalam memperkuat dan memajukan bidang pendidikan sangatlah penting dan tidak dapat dipertikaikan lagi. Mereka tidak hanya bertanggungjawab untuk membentuk pola pemikiran generasi masa depan, tetapi juga merupakan kunci utama penggerak dalam menciptakan dasar yang kuat bagi kemajuan pendidikan dan pengembangan individu yang berkualiti di negara tersebut. Selain itu, guru juga memainkan peranan penting dalam menanam semangat keunggulan, nilai-nilai moral, dan kemampuan akademik dalam kalangan para pelajar. Komitmen dan dedikasi guru dalam menyampaikan pengetahuan serta mengembangkan kemahiran sosial dan keperibadian membentuk asas yang kukuh untuk kemajuan negara dalam era globalisasi. Oleh itu, buku ini akan mengupas tentang bagaimana untuk membangunkan dan melahirkan guru pendidikan islam yang profesional agar dapat memastikan bahawa setiap pelajar mendapat pendidikan yang berkualiti dan relevan dengan keperluan masyarakat saat ini.

Buku ini menganalisis dengan lebih mendalam mengenai profesionalisme guru, terutama Guru Pendidikan Islam, yang merangkumi perbincangan tentang spektrum pendidikan, psikologi pendidikan, profesionalisme guru pendidikan Islam, dan isu-isu semasa dalam Pendidikan Islam. Bab satu, berjudul "Spektrum Pendidikan", mengupas aspek-aspek penting dalam pendidikan, termasuk dimensi jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Sementara itu, Bab dua, yang bertajuk "Psikologi Pendidikan", membahas peranan psikologi dalam konteks pendidikan, termasuk motivasi, personaliti, dan sikap. Bab tiga, berfokus pada "Profesionalisme Guru Pendidikan Islam", merangkumi aspek-aspek seperti penguasaan ilmu, pemikiran Rabbani, konsep kendiri, efikasi kendiri, kemahiran pengajaran, kecerdasan pelbagai, akhlak, dan keperibadian. Terakhir, Bab empat, yang berjudul "Isu-isu Semasa", membincangkan pelbagai isu penting seperti personaliti Guru Pendidikan Islam dalam Program Pendidikan Khas, pendidikan kepelbagaian budaya dalam pengajaran Pendidikan Islam, hubungan antara akhlak dan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik murid dalam Kurikulum Asas Akademik (KAA) dan Kurikulum Bersepadu Akademik (KBA) di Sekolah Menengah Harian, penggunaan teori akhlak dalam Program Sahsisah Unggul Murid (SUMUR), serta penerapan ta'dib dalam Pendidikan Islam, termasuk Pendidikan Al-Quran: dari masa lalu, kini, hingga ke masa depan.

## 2. Penulis Buku

"Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam" merupakan sebuah karya bersama yang berhasil dengan kerjasama 16 orang penulis iaitu Arif Musa, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Nur Hanani Hussin, Norullisza Khosim, Nur Hasnira Ibrahim, Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus, Noraini Omar, Mohd Aderi, Che Noh, Mohd Isa Hamzah, Norhapizah Binti Mohd Burhan, Muhammad Haji Nordin, Zetty Nurzuliana Rashed, Wan Ali Bin Wan Abdullah dan Nursafra Binti Mohd Zhaffar. Berlatar belakangkan pengalaman serta sudut pandang yang menarik dan pelbagai seperti aliran sungai yang bertemu dalam sebuah muara, penulis-penulis buku ini juga memberikan perspektif yang unik dalam menyumbangkan idea bagi menyiapkan buku ini di mana ia banyak memberi manfaat kepada para pendidik pada masa kini.

## 3. Ulasan Buku

Buku yang berjudul "Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam" adalah antara buku yang mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan pendidik. Buku ini membincangkan aspek-aspek penting dalam perkembangan dan kerjaya seorang guru pendidikan Islam yang berkhidmat di institusi-institusi pendidikan. Dalam konteks pendidikan formal masa kini, kejayaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di institusi pendidikan lebih banyak bergantung kepada keupayaan guru-guru mendidik para pelajar. Secara perbandingan, pelajar-pelajar menghabiskan lebih banyak bersama guru-guru mereka di sekolah, terutamanya di sekolah berasrama penuh. Hal ini dijelaskan dalam prakata buku sebagai pengenalan kepada tujuan buku ini ditulis. Prakata ini juga mengandungi penghargaan yang ditujukan kepada penulis-penulis yang memberikan sumbangan dalam penerbitan buku ini. Guru pendidikan Islam umumnya dianggap sebagai individu yang mempunyai pendidikan agama yang mendalam, yang memungkinkan mereka untuk menyampaikan ajaran agama dengan tepat dan memberikan bimbingan moral kepada para pelajar. Buku yang diterbitkan pada tahun 2016 ini mengandungi empat bab. Setiap bab dilengkapi dengan senarai rujukan dan topik-topik kecilnya yang tersendiri. Buku ini juga secara tidak langsung memberikan satu nilai tambah yang penting dalam membangunkan profesionalisme guru pendidikan islam.

**Latar belakang** buku ini yang ditulis oleh Arif Musa, membahas tentang hakikat pendidikan dan tarbiyah dalam Islam, dengan menekankan bahawa agama Islam sangat mementingkan ilmu

pengetahuan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quran. Ayat pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, "Iqra'", menunjukkan pentingnya membaca dan menuntut ilmu. Islam telah membawa perubahan besar kepada masyarakat Arab dari kejahilan kepada ilmu dan kemodenan. Al-Quran dan hadis menekankan keutamaan ilmu, dengan Allah SWT yang menjanjikan ganjaran kepada mereka yang berilmu dan Rasulullah SAW sebagai contoh pendidik terbaik. Nas-nas ini menunjukkan betapa tinggi keprihatinan Islam terhadap ilmu, terutamanya ilmu agama, dan mencela kejahilan. Seorang guru agama dianggap sebagai pewaris tugas Rasul dalam mengajar umatnya, dan mereka yang menyampaikan ilmu mendapat ganjaran yang besar.

**Bab 1 Spektrum Pendidikan**, merupakan bab yang meliputi aspek-aspek penting dalam pendidikan, iaitu pendidikan jasmani, emosi, rohani, dan intelek yang ditulis oleh dua orang penulis. Aspek pertama ialah "**Pendidikan Jasmani**" oleh Noornajihan Jaafar yang membincangkan pertumbuhan fizikal dan kesihatan dalam pelbagai peringkat umur. Pendidikan jasmani memainkan peranan penting dalam perkembangan individu dari kanak-kanak hingga dewasa. Pertumbuhan fizikal yang cepat pada usia awal memerlukan aktiviti luar yang mencukupi untuk memastikan perkembangan otot yang sihat. Kanak-kanak yang aktif menunjukkan pertumbuhan yang baik dan kecenderungan terhadap permainan lasak. Remaja pula mengalami 'growth spurt' yang mendadak, memerlukan pendidikan tentang kesihatan fizikal termasuk pemakanan, rehat yang cukup, dan aktiviti riadah. Pemilihan pemakanan yang sihat dan berkhasiat adalah asas untuk pertumbuhan fizikal yang seimbang. Hadis Nabi menekankan pentingnya kuantiti dan kualiti makanan yang diambil. Rehat yang cukup memberi kesan positif kepada kecergasan mental dan emosi. Aktiviti riadah seperti berenang dan memanah disarankan untuk menguatkan badan. Kebersihan tubuh juga dititikberatkan dalam Islam, mempengaruhi kesihatan dan kecergasan seseorang.

Seterusnya, aspek Pendidikan yang kedua adalah "**Pendidikan Emosi**" dan ditulis oleh Nurul Asiah Fasehah Muhamad. Pendidikan emosi merupakan aspek penting dalam pembangunan individu yang bermula dari kanak-kanak hingga dewasa untuk memastikan pertumbuhan yang sempurna dan seimbang. Emosi, yang berkait rapat dengan ransangan minda dan biologi, adalah reaksi mental dan fizikal seseorang terhadap ransangan yang diterima. Perkembangan emosi melalui pelbagai tahap bergantung kepada umur, bermula dengan reaksi bayi terhadap ketidakselesaan, kemunculan cemburu pada usia 18 bulan, dan pengenalan kepada emosi riang pada usia 2-3 tahun. Pendidikan emosi harus disalurkan secara positif untuk membantu kanak-kanak mengawal perasaan negatif dan memanfaatkan emosi positif. Pendidik memainkan peranan kritikal dalam membentuk emosi anak-anak. Menurut pandangan Saidina Ali R.A, kasih sayang dan kemanjaan adalah penting dalam tujuh tahun pertama kehidupan anak-anak. Di peringkat awal persekolahan, kanak-kanak menjadi lebih sensitif terhadap teguran dan kritikan, memerlukan pendekatan yang sesuai dari guru. Pendidikan emosi yang baik akan membantu anak-anak mengembangkan sifat-sifat mulia seperti keberanian, kejujuran, dan kemandirian, yang merupakan ciri-ciri penting bagi seorang Muslim yang berjiwa kental. Kepentingan pendidikan emosi tidak boleh dikesampingkan kerana ia mempengaruhi kestabilan emosi, intelektual, jasmani, dan rohani anak-anak.

Di samping itu, aspek ketiga bab ini ialah "**Pendidikan Rohani**" yang juga ditulis oleh Nurul Asiah Fasehah Muhamad dan membahas tentang pentingnya pendidikan rohani dalam pembangunan manusia yang lengkap. Ia melibatkan pemahaman tentang Tuhan dan keperluan beragama yang bermula seawal usia kanak-kanak. Anak-anak mula membina persepsi tentang kehidupan dan Tuhan pada usia yang sangat muda, dan pendidikan ini harus diberikan secara berterusan dan penuh kesabaran oleh ibu bapa serta guru. Pendidikan rohani tidak hanya terbatas pada aspek ketuhanan, tetapi juga meliputi ibadah dan akhlak Islamiah yang harus ditanamkan dalam diri anak-anak agar mereka dapat memahami Islam secara menyeluruh. Pendidikan rohani adalah amanah besar yang bertujuan mencorak keperibadian generasi akan datang. Pendidikan ini haruslah bermula dengan

pendidikan ketauhidan atau Akidah yang merupakan asas keagamaan. Selain itu, pendidikan ibadah dan akhlak juga penting untuk membentuk individu Muslim yang soleh dan solehah. Pendidikan ini harus bersifat menyeluruh, melibatkan Akidah, Ibadah, dan Akhlak, dan diperkuatkannya dengan persekitaran yang konsisten agar anak-anak dapat menghayati Islam sepenuhnya dalam kehidupan mereka.

Akhir sekali, “**Pendidikan Intelek**” adalah aspek pendidikan yang juga penting dalam membentuk individu yang berfikir secara kritis dan kreatif, adalah fokus utama topik ini yang ditulis oleh Noornajihan Jaafar. Topik ini menekankan pentingnya pendidikan kognitif sejak awal kehidupan, bermula sejak bayi di dalam kandungan, dan bagaimana ia dapat dirangsang melalui amalan-amalan positif oleh ibu hamil seperti bertaubat, menjaga akhlak, dan emosi yang baik. Ini membantu pertumbuhan minda bayi yang tenang dan cerdas. Ibu hamil disarankan mengamalkan diet sihat dan memberi rangsangan positif kepada bayi melalui sentuhan dan kata-kata. Perkembangan kognitif kanak-kanak melalui dua fasa; preoperational stage (2-7 tahun) dan concrete operations (7-11 tahun). Pada usia ini, anak-anak belajar melalui pengalaman dan memahami konsep abstrak. Remaja pula mula memahami perkara tersurat dan menghubungkan ilmu dengan kehidupan, menekankan pentingnya ilmu dalam membentuk peribadi dan kehidupan Muslim yang disegani. Ilmu yang diperoleh haruslah bermanfaat dan digunakan untuk mencari kebenaran serta membezakan antara yang hak dan yang batil.

Dalam **Bab 2 Psikologi Pendidikan** pula menerangkan fungsi psikologi dalam pendidikan, motivasi, personaliti, dan sikap. Subtopik pertama ialah tentang “**Fungsi Psikologi Dalam Pendidikan**” yang ditulis oleh Nur Hanani Hussein, membahas tentang asal-usul psikologi, definisi, dan aplikasinya dalam pendidikan. Psikologi adalah ilmu yang mengkaji jiwa dan tingkah laku manusia serta interaksinya dengan persekitaran. Dalam pendidikan, psikologi membantu memahami proses mental dan tingkah laku pelajar untuk meningkatkan proses pembelajaran. Terdapat beberapa perspektif psikologi seperti Psikodinamik, Behaviourisme, dan Kognitif yang memberi pandangan berbeza tentang tingkah laku manusia. Teori-teori psikologi yang terkenal termasuklah teori personaliti Freud dan teori kognitif Piaget, yang masing-masing memberi penekanan pada aspek-aspek tertentu dalam pembentukan personaliti dan perkembangan kognitif. Psikologi Islam, yang diasaskan oleh tokoh-tokoh seperti al-Ghazali, al-Farabi, dan Ibnu Sina, memberikan perspektif yang unik dalam memahami jiwa manusia. Al-Ghazali mengklasifikasikan nafsu yang membentuk personaliti berbeza dan menekankan pentingnya interaksi antara nafsu, hati, dan akal. Dalam konteks pendidikan, psikologi membantu guru memahami keperluan dan motivasi murid, serta menyesuaikan kaedah pengajaran untuk memenuhi keperluan individu murid. Pengajaran yang berkesan memerlukan pemahaman mendalam tentang psikologi murid dan penggunaan pendekatan yang sesuai dengan keunikan setiap individu.

Selain itu, dalam bab ini juga menerangkan tentang “**Motivasi**” yang juga ditulis oleh Nur Hanani Hussein. Motivasi merupakan elemen penting dalam ajaran Islam yang berkaitan dengan prestasi kerja cemerlang. Ia adalah proses dalaman yang mendorong seseorang untuk mencapai tujuan dan memberi tenaga kepada tingkah laku individu. Teori motivasi mengkaji darjah keamatan, arah perbuatan, dan ketekunan dalam melakukan sesuatu tindakan. Contohnya, teori Maslow menekankan keperluan asas yang mesti dipenuhi sebelum seseorang itu dapat memenuhi keperluan yang lebih tinggi, manakala teori McClelland pula menekankan keperluan pencapaian, kuasa, dan hubungan sosial. Dalam konteks pengajaran, motivasi guru adalah penting untuk memastikan pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Teori penetapan matlamat menunjukkan bahawa matlamat yang spesifik dan mencabar dapat meningkatkan prestasi kerja. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik juga memainkan peranan dalam pembelajaran, di mana motivasi intrinsik datang dari dorongan dalaman seseorang, sedangkan motivasi ekstrinsik datang dari luaran seperti pujian dan hadiah. Al-Quran

sendiri merupakan sumber motivasi yang mengandungi doa-doa dan hukum tarikan yang menggalakkan muslim untuk berusaha mencapai kejayaan melalui doa, syukur, dan sabar.

Seterusnya, subtopik ketiga dalam bab ini adalah “**Personaliti**” yang penulisnya ialah Norullisza Khosim, membahas tentang konsep personaliti dalam konteks akhlak dan saksiah diri, khususnya bagi seorang pendidik Al-Quran. Personaliti dijelaskan sebagai gaya unik individu yang melibatkan pemikiran, perasaan, dan tingkah laku yang berterusan. Pembentukan personaliti dipengaruhi oleh faktor luaran seperti dorongan dan pujian, serta faktor dalaman termasuk keimanan dan ketakwaan. Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk personaliti, dengan menekankan pada pembangunan akhlak yang mulia dan menghindari sifat tercela. Pendidik Al-Quran harus memiliki personaliti unggul yang mencerminkan nilai-nilai Islam, seperti amanah, adil, kerjasama, disiplin, dan akhlak mulia dan memahami personaliti pelajar. Personaliti pendidik sangat berpengaruh terhadap pembentukan saksiah pelajar. Pendidik bertanggungjawab dalam pembentukan saksiah pelajar dan harus menjadi contoh teladan yang baik kepada pelajar, tidak hanya dalam pengajaran tetapi juga dalam pembentukan nilai dan sikap. Memahami personaliti pelajar juga penting untuk memberikan pendidikan yang efektif dan menyeluruh. Mereka harus mencontohi Rasulullah SAW dan mengamalkan ajaran Islam dalam setiap aspek kehidupan untuk membentuk generasi yang berakhhlak mulia.

Tambahan pula, topik yang terakhir untuk bab ini adalah tentang “**Sikap**” yang ditulis oleh Nur Hansira Ibrahim. Sikap merupakan reaksi emosi yang kompleks dan dapat dilihat melalui berbagai aspek seperti ekspresi wajah, bahasa tubuh, dan cara berinteraksi. Definisi sikap yang diberikan oleh para ahli psikologi menekankan pada kecenderungan seseorang untuk bereaksi secara positif atau negatif terhadap simbol, perkataan, atau situasi tertentu. Sikap dapat berubah dan dibentuk melalui pengalaman, kebudayaan, pengaruh sosial, media massa, pendidikan, dan faktor emosi. Fungsi sikap sangat penting dalam membentuk emosi positif, kreativitas, personaliti, dan peribadi seseorang. Pembentukan sikap dipengaruhi oleh berbagai faktor seperti pengalaman peribadi, kebudayaan, hormat terhadap orang lain, media massa, institusi pendidikan dan agama, serta emosi dalam diri. Kaedah mengubah sikap melibatkan penilaian diri, pendekatan positif atau negatif, dan mengenal pasti rintangan serta cara mengatasinya. Sikap guru sebagai pendidik memainkan peranan penting dalam membentuk generasi akan datang, dengan menekankan pada pembukaan terhadap ilmu, peningkatan profesionalisme, tanggungjawab, peranan sosial, dan menjadi contoh yang baik.

Seterusnya dalam **Bab 3**, buku ini membahas mengenai “**Profesionalisme Guru Pendidikan Islam**”. Perbincangan ini meliputi aspek seperti penguasaan ilmu, pemikiran Rabbani, konsep kendiri, efikasi kendiri, kemahiran pengajaran, kecerdasan pelbagai serta akhlak dan keperibadian. Berkisarkan personaliti seorang guru sebagai pendidik, penulis iaitu Nurul Asiah Fasehah Muhamad telah menekankan “**Penguasaan Ilmu**” sebagai aspek pertama di bawah bab ini. Beliau telah mengulas dengan lebih terperinci tentang konsep ilmu menurut islam dari segi bahasa dan istilah, kepentingan ilmu dan pembahagian ilmu iaitu ilmu Fardu Ain dan ilmu Fardu Kifayah agar pembaca dapat memahaminya dengan lebih jelas. Ilmu amat penting kerana ilmu itu sendiri merupakan kunci kehidupan dan kunci kebenaran kepada insan terutamanya individu yang bergelar Guru Pendidikan Islam (GPI) yang mempunyai galasan tanggungjawab yang berat untuk membina watak individu yang berakhhlak dan soleh serta solehah dalam diri para pelajar bagi mencapai hasrat untuk melahirkan generasi yang mampu meletakkan kembali Islam ke tahap yang disegani dan menjadi rujukan oleh setiap bangsa di dunia akan tercapai.

Kepentingan dan peranan ilmu dalam pembentukkan “**Pemikiran Rabbani**” yang merupakan aspek kedua yang dikarang oleh Noornajihan Jaafar dalam bab ini menjadikan pendidikan Islam lebih unik apabila keempat-empat komponen yang telah digariskan oleh Imam Al-Ghazali iaitu ilmu tentang

diri, ilmu tentang Allah, ilmu tentang dunia dan ilmu tentang akhirat diterapkan dalam diri seorang guru kerana hubungan antara ilmu agama dan ilmu akademik diselaraskan supaya berada pada paksi yang sama Pemikiran Rabbani adalah menggunakan akal untuk menafsirkan, menyelesaikan, dan menjelaskan sesuatu menurut panduan yang ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dengan dasar yang diletakkan adalah ikhlas dan redha kepada Allah serta Rasul-Nya. Bagi seorang guru, penting untuk menerapkan dan menekankan konsep ini karena bukan hanya akan mendekatkan kita kepada Allah sebagai hamba-Nya, tetapi juga akan menjadi panduan dalam memenuhi tanggungjawab sebagai khalifah Allah.

Setelah itu, pembahasan mengenai pengenalan diri diteruskan dengan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan “**Konsep Kendiri**” yang ditulis oleh Nurul Asiah Fasehah Muhamad. Konsep kendiri merujuk kepada faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi individu. Faktor dalaman atau hati dipengaruhi oleh tiga daya utama, iaitu nafsu, amarah, dan akal. Sementara itu, faktor luaran merujuk kepada pandangan atau persepsi yang diterima daripada individu-individu signifikan di sekeliling, seperti ibu bapa, pasangan, ahli keluarga, sahabat, guru, dan pelajar. Pemahaman tentang konsep kendiri adalah penting dalam memahami individu, terutamanya bagi seorang guru.

Aspek yang seterusnya ialah “**Efikasi Diri**” yang ditulis oleh Noornajihan Jaafar. Dengan memahami konsep kendiri, guru dapat meningkatkan efikasi diri mereka, yang seterusnya memacu tingkah laku mereka. Pemahaman yang mendalam tentang konsep kendiri membantu individu mengenali diri mereka dengan lebih baik dan memperbaiki kepribadian serta perilaku ke arah yang lebih positif, yang amat penting bagi guru sebagai teladan kepada pelajar mereka.

Mengambil kira “**Kemahiran Pengajaran**” yang merupakan aspek kelima di bawah bab ini di mana penulisnya ialah Nur Hanani Hussin sebagai tunjang utama seorang pendidik, buku ini membincangkan secara mendalam dengan mengaplikasikan strategi pengajaran Ibn Khaldun (2000), pendekatan yang pelbagai, kaedah, dan teknik pengajaran yang perlu diketahui oleh individu yang bergelar pendidik diikuti dengan topik pengajaran berdasarkan Al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Tugas seorang pendidik, terutamanya guru pendidikan Islam, bukanlah sekadar menyampaikan ilmu akademik semata-mata. Penerapan ilmu duniawi dan ukhrawi diselaraskan melalui perbincangan dalam buku ini untuk memastikan keseimbangan pertumbuhan diri dan jiwa pendidik serta pelajar. Rasulullah S.A.W menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang bersifat kognitif (yang berkait rapat dengan mental) dan efektif (yang berkait rapat dengan psikomotor dan perlakuan) seperti kuliah, dialog dan perbincangan, halaqah, soal jawab, hafalan, perdebatan dan pengajaran praktikal atau demonstrasi.

Pembahasan Pembahasan oleh Nur Hasnira Ibrahim tentang penerapan ilmu ini diteruskan dengan menjelaskan kepentingan “**Kecerdasan Pelbagai**” di mana ia adalah sebagai tanda tumpuan terhadap keperluan pelajar yang mempunyai pelbagai kecerdasan dan kecenderungan ilmu. Kecerdasan Linguistik (Hemisfera Kiri Otak), Kecerdasan Logikal-Matematik, Kecerdasan Ruang (Hemisfera Kanan Otak), Kecerdasan Muzik (Hemisfera Kanan Otak), Kecerdasan Tubuh-Kinestik (Hemisfera Kiri Otak), Kecerdasan Intrapersonal dan Kecerdasan Interpersonal (Antara Individu) dan Kecerdasan Naturalist. Kelapan-lapan teori ini yang diperkenalkan oleh Howard Gardner merupakan satu bentuk teori yang memperjuangkan keadilan dalam pendidikan kerana secara jelasnya ia memperjuangkan agar setiap individu diberi ruang dan peluang untuk berjaya dalam bidang tertentu.

Pada akhirnya, aspek yang terakhir dalam bab ini juga menggariskan mengenai “**Akhlik dan Keperibadian**” yang ditulis oleh Noornajihan Jaafar. Profesionalisme seorang guru dapat dinilai melalui kepribadian yang baik. Beberapa sifat yang harus dimiliki oleh seorang guru Pendidikan

Islam termasuklah ikhlas, taqwa, adil, sabar, amar ma'ruf nahyu munkar, mencintai dan menghormati Rasulullah S.A.W sebagai teladan, mendoakan murid, dan menjaga penampilan. Sifat-sifat ini juga merupakan aspek penting dalam memastikan efektivitas dan keberhasilan proses pengajaran. Dengan memiliki sifat-sifat ini, guru mampu memenangkan hati murid untuk agama Islam dan membimbing mereka untuk menjadikan agama Islam sebagai pedoman dalam kehidupan dunia dan akhirat.

**Bab 4 Isu-Isu Semasa** memberikan pandangan mendalam tentang pelbagai aspek penting dalam pendidikan Islam, khususnya dalam konteks pendidikan khas, kepelbagaian budaya, hubungan akhlak dan gaya pembelajaran, penggunaan teori akhlak dalam program SUMUR, penerapan ta'dib, Pendidikan al-quran dulu, kini dan selamanya, ciri dan contoh ustaz/ustazah inovatif. Bab ini menekankan hubungan yang erat antara guru dan pelajar, nilai-nilai sahsiah yang positif, dan peranan pendidikan dalam membentuk individu yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Melalui analisis mendalam dan contoh-contoh praktikal, bab ini berusaha untuk menggambarkan pentingnya pendekatan holistik dalam pendidikan Islam yang menghormati kepelbagaian budaya dan keperluan khas pelajar.

Bab ini memulakan perbincangan dengan aspek pertama iaitu "**Personaliti Guru Pendidikan Islam dalam Program Pendidikan Khas**". Penulis iaitu Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus mengupas dengan mendalam mengenai model personaliti guru Pendidikan Khas, beliau menekankan hubungan guru-pelajar yang berkesan melalui elemen seperti sahsiah yang disayangi dan ilmu yang berkembang. Dalam analisisnya, beliau menekankan bahawa strategi pendidikan khas yang dibincangkan termasuk melatih pelajar dengan kemahiran vokasional, menyediakan bimbingan untuk pelajar dan ibu bapa, serta bekerjasama dengan agensi lain untuk menolong mereka. Penulis menegaskan bahawa guru perlu memiliki sahsiah, ilmu, kemahiran, dan motivasi yang tinggi. Model Personaliti Guru Pendidikan Khas, menurutnya, bergantung kepada niat asal dan komitmen guru, dengan faktor seperti minat dan kekeluargaan memberi kesan positif, manakala faktor seperti balik kampung dan tiada pilihan memberi kesan negatif terhadap keberkesanan program Pendidikan Khas. Penulis juga merujuk kepada model guru efektif menurut Rogers dan model guru berkesan menurut Imam al-Ghazali dan Mohammad Shatar et al., yang melibatkan empat elemen penting iaitu ilmu pengetahuan, sahsiah positif, motivasi, dan kemahiran mengajar. Kepercayaan tinggi, komitmen, dan interaksi efektif dengan murid adalah ciri-ciri guru yang perlu diketengahkan dalam latihan perguruan untuk melahirkan guru Pendidikan Khas yang terlatih dan berkesan. Beliau menegaskan bahawa tanpa elemen-elemen ini, usaha pendidikan khas tidak akan mencapai matlamat yang diinginkan. Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan program Transformasi Pendidikan untuk memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Perubahan kurikulum yang dinamik adalah perlu untuk pembangunan personaliti dan profesionalisme guru dalam menjamin penghayatan kurikulum yang maksimum. Contoh-contoh praktikal dari guru-guru berpengalaman juga diambil kira dalam bab ini. Misalnya, pengalaman seorang guru di sekolah khas yang berjaya membantu pelajar autisme mencapai prestasi yang baik melalui pendekatan peribadi dan adaptasi kaedah pengajaran. Kisah kejayaan ini menambah dimensi praktikal kepada teori yang dibincangkan, menunjukkan bagaimana pelaksanaan strategi yang betul boleh memberikan hasil yang positif.

Aspek seterusnya yang dibincangkan oleh tiga orang penulis iaitu Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh, dan Mohd Isa Hamzah tentang "**Pendidikan Kepelbagaian Budaya dalam Pengajaran Pendidikan Islam**" yang bermula dari konsep kesatuan manusia dari Adam A.S serta pelbagai bangsa dan perbezaan sebagai tanda-tanda kekuasaan Allah yang merupakan asas penting dalam Pendidikan Islam. Islam menggalakkan hubungan baik antara penganutnya dan bukan Islam tanpa memusuhi serta mewujudkan kepelbagaian mazhab fiqah. Dalam konteks ini, mereka menekankan bahawa Al-Quran menyokong kepelbagaian manusia untuk menggalakkan interaksi serta kerjasama,

dengan umat Islam ditekankan untuk berlaku adil tanpa mengira etnik atau bangsa. Pendidikan Islam di Malaysia memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang kepelbagai budaya dengan matlamat menghasilkan pelajar yang beriman dan bertakwa. Kurikulum Pendidikan Islam menekankan nilai-nilai Al-Quran dan Sunnah untuk membangunkan tingkah laku yang berasaskan nilai budaya dan tamadun manusia. Pendidikan Islam merangkumi aspek teoritikal dan konseptual seperti konsep, gagasan proses, tujuan, skop, dan matlamat Pendidikan Islam serta fungsi Pendidikan Islam secara menyeluruh. Matlamat utama adalah untuk melahirkan individu yang bertaqwa, bertanggungjawab, dan berbudaya tinggi. Noraini, Mohd Aderi, dan Mohd Isa juga menekankan konsep pendidikan Islam yang merujuk kepada usaha yang terancang berdasarkan nilai-nilai Islam untuk membentuk sikap dan keperibadian pelajar, termasuk pengetahuan tentang Allah dan hubungan antara manusia dalam aqidah. Mereka menegaskan bahawa pendidikan yang mengintegrasikan kepelbagai budaya akan membantu membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu. Ini penting dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya. Dalam konteks kepelbagai budaya, aspek ini juga membincangkan bagaimana pengajaran yang inklusif boleh membantu pelajar dari latar belakang yang berbeza untuk merasakan diri mereka dihargai dan diterima. Ini termasuk strategi mengintegrasikan elemen budaya lokal dalam pengajaran Islam, seperti menggunakan contoh-contoh tempatan dalam menjelaskan konsep-konsep agama. Selain itu, kajian kes dari sekolah-sekolah yang berjaya mengaplikasikan pendekatan ini juga dikongsi, menekankan kepentingan penyesuaian kurikulum kepada keperluan pelajar.

Seterusnya, "**Hubungan Akhlak Dan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Murid KAA Dan KBA Di Sekolah Menengah Harian**" merupakan aspek penting dalam pendidikan moden. Dalam aspek ini Norhapizah binti Mohd Burhan sebagai penulis menegaskan bahawa pencapaian akademik bukanlah satu-satunya ukuran kejayaan seseorang. Nilai akhlak, motivasi, dan gaya pembelajaran turut memainkan peranan penting. Norhapizah menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti hubungan dengan guru, ibu bapa, dan rakan sebaya, serta praktik akhlak yang baik, mempengaruhi pencapaian akademik murid. Kajian menunjukkan hubungan signifikan antara kemahiran interpersonal, kecerdasan emosi, dan pencapaian akademik pelajar. Faktor latar belakang keluarga dan sosioekonomi juga mempengaruhi pencapaian akademik. Setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza, dan pemilihan gaya belajar yang sesuai penting untuk mencapai keberkesan dalam pembelajaran. Norhapizah menegaskan bahawa guru perlu memahami dan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan gaya belajar murid untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Mengikut kajian Asiah (1999), faktor utama dalam gaya pembelajaran pelajar adalah rangsangan sosiologikal, manakala akhlak, seperti yang diperjelaskan oleh Azlina Abu Bakar (2002), boleh dilatih dan mempengaruhi pencapaian akademik melalui konsep kendiri dan sosialisasi. Norhapizah menegaskan bahawa pendekatan holistik yang menggabungkan aspek akhlak dan gaya pembelajaran dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar, sekali gus menyumbang kepada pembangunan individu yang seimbang dari segi rohani dan intelek.

Aspek keempat di bawah bab ini di mana penulisnya Muhammad Haji Nordin menerangkan "**Penggunaan Teori Akhlak Dalam Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)**" yang bertujuan untuk membentuk akhlak yang boleh dicontohi dalam diri pelajar. Beliau menekankan kepentingan pendidikan akhlak dan peranan aspek rohani dan jasmani fitrah manusia seperti yang dijelaskan oleh al-Ghazali. Menurut al-Ghazali, aspek kerohanian seseorang yang berhubung secara langsung dengan Tuhan adalah lebih tinggi nilainya daripada badan jasmani dan bertanggungjawab terhadap kebertanggungjawaban akhlak dalam kehidupan. Muhammad Haji Nordin menerangkan dua cara untuk mengembangkan akhlak ialah melalui rahmat ilahi dan kesempurnaan semula jadi, serta melalui usaha gigih yang melibatkan perjuangan rohani dan disiplin. Program SUMUR yang beroperasi secara berkumpulan diketuai oleh mentor memfokuskan kepada persefahaman dan

sokongan bersama di kalangan rakan sebaya. Beliau juga memetik teori pendidikan Ibn Miskawayh, yang menekankan peranan penting ibu bapa sebagai pendidik dan guru pertama dalam memupuk jiwa pelajar untuk mencapai watak yang benar, boleh dipercayai, dan terpuji. Muhammad Haji Nordin menegaskan bahawa pendidikan akhlak yang efektif perlu melibatkan usaha bersepada dari semua pihak termasuk guru, ibu bapa, dan masyarakat. Beliau juga menekankan bahawa program pendidikan akhlak perlu sentiasa ditingkatkan dan disesuaikan dengan perkembangan zaman agar relevan dan berkesan dalam membentuk individu yang berakhhlak mulia dan bertanggungjawab.

Pembahasan oleh Zetty Nurzuliana Rashed tentang **“Penerapan Ta’dib Dalam Pendidikan Islam”** yang merupakan aspek kelima di mana beliau menekankan peranan penting agama dan kerohanian dalam pembangunan profesional pendidik Islam. Beliau menyerlahkan kesan buruk pengabaian prinsip agama dalam pendidikan profesional dan kelaziman salah laku profesional di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi. Penulis menegaskan bahawa iman yang kuat membawa kepada akhlak yang baik, manakala iman yang lemah mengakibatkan etika yang buruk. Buku ini berhujah bahawa tanpa asas agama, pendidikan etika tidak lengkap dan sementara, gagal melahirkan individu yang memahami peranan mereka sebagai makhluk bertamadun. Matlamat pendidikan Islam, menurut Zetty, adalah mendekatkan diri kepada Allah dan memperbaiki kehidupan manusia melalui pembinaan akhlak dan adab. Buku ini memberikan definisi istilah-istilah utama dalam pendidikan Islam seperti tarbiyyah (mengasuh), ta’lim (mengajar), dan ta’dib (pendidikan akhlak) dan mengkritik sistem pendidikan moden kerana tumpuannya pada peperiksaan dan pembelajaran hafalan. Zetty menekankan bahawa pendekatan ta’dib melibatkan pembentukan individu secara menyeluruh, bukan sahaja dari aspek intelek tetapi juga akhlak dan spiritual. Beliau juga menegaskan bahawa pendidikan yang berteraskan ta’dib mampu melahirkan generasi yang tidak hanya cemerlang dalam akademik, tetapi juga unggul dalam sahsiah dan berakhhlak mulia. Ini menunjukkan kepentingan mengintegrasikan prinsip-prinsip Islam dalam pendidikan untuk menghasilkan individu yang seimbang dan mampu menyumbang kepada masyarakat dengan cara yang positif dan beretika.

Zetty Nurzuliana Rashed juga menulis mengenai **“Pendidikan Al-Quran: Dulu, Kini dan Selamanya”**. Beliau menjelaskan tentang kepentingan abadi Al-Quran dalam konteks pendidikan, terutamanya dalam pengajian Islam. Buku ini menekankan peranan Al-Quran sebagai panduan ilahi untuk umat manusia, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad melalui malaikat Jibril. Penulis menegaskan tanggungjawab umat Islam untuk membaca, memahami, dan mengamalkan ajaran Al-Quran, yang bukan sahaja membimbing kehidupan moral dan spiritual tetapi juga menawarkan ketenangan dan dianggap sebagai ibadah. Buku ini merujuk kepada tokoh-tokoh sejarah seperti Ibn Khaldun dan Yusuf Qardhawi, yang menekankan pentingnya mengajar Al-Quran kepada kanak-kanak kerana ia dapat menanamkan iman dan sebutan yang betul. Aspek ini juga membincangkan objektif pendidikan Al-Quran, yang termasuk menanamkan iman kepada Tuhan, mengakui asal-usul ilahi Al-Quran, dan memenuhi peranan sebagai khalifah Tuhan di bumi. Penulis menekankan bahawa pendidikan Al-Quran bukan sahaja penting untuk perkembangan rohani tetapi juga memainkan peranan dalam pembangunan intelek dan moral individu. Beliau juga menyarankan agar pendekatan pengajaran Al-Quran terus diperbaharui dan disesuaikan dengan keperluan semasa agar relevan dan berkesan dalam membimbing generasi muda. Ini termasuk penggunaan teknologi moden dan metodologi pengajaran yang interaktif dan menarik untuk memudahkan pemahaman dan penghayatan Al-Quran.

Aspek terakhir dalam bab ini yang diulas oleh Wan Ali Akhbar bin Wan Abdullah dan Nursafra binti Mohd Zhaffar membincangkan **“Tuntutan, Ciri Dan Contoh Ustaz atau Ustazah Inovatif”** dalam pendidikan Islam di Malaysia, menyoroti pentingnya inovasi dalam pendidikan Islam. Aspek ini menekankan perlunya perancangan yang teliti dalam inovasi, dengan merujuk kepada penciptaan

alam semesta dan manusia sebagai contoh reka bentuk dan susunan Allah yang sempurna. Peranan seorang guru yang inovatif, menurut mereka, adalah untuk mempermudahkan konsep pendidikan Islam yang kompleks untuk pelajar, menggunakan alat bantu mengajar dan strategi yang sesuai dengan keupayaan dan minat pelajar. Aspek ini menyenaraikan beberapa alat bantu mengajar dan modul inovatif yang telah dibangunkan untuk membantu dalam pengajaran pelbagai subjek Islam. Beberapa alat bantu mengajar yang inovatif termasuk Model Simulasi Waktu Solat dan Skroll Suci. Aspek ini juga memperkenalkan iECO, permainan papan pendidikan berdasarkan prinsip ekonomi Islam. Inovasi bukan sahaja tertumpu pada alat bantu mengajar tetapi juga pada pendekatan pedagogi. Contohnya, pendekatan pembelajaran berdasarkan projek yang melibatkan pelajar dalam aktiviti praktikal dan kolaboratif dapat meningkatkan pemahaman dan minat mereka terhadap pelajaran. Contoh lain termasuk penggunaan media sosial sebagai platform untuk diskusi dan perkongsian ilmu antara pelajar dan guru. Mereka menekankan bahawa penyertaan dalam pertandingan dan anugerah inovasi bukanlah semata-mata untuk kemasyhuran atau keuntungan, tetapi juga untuk memberi inspirasi kepada orang lain dan menyumbang kepada kemajuan pendidikan Islam. Wan Ali Akhbar dan Nursafra juga menegaskan bahawa guru inovatif perlu sentiasa mengembangkan diri dan mencari cara baru untuk meningkatkan keberkesan pengajaran mereka. Ini termasuk penggunaan teknologi dan pendekatan pedagogi yang terkini untuk memastikan bahawa pendidikan Islam kekal relevan dan berdaya saing dalam era globalisasi ini.

Akhir sekali, bab keempat dalam buku ini merangkumi pelbagai aspek dan isu semasa dalam pendidikan Islam, memberikan pandangan yang mendalam dan menyeluruh mengenai personaliti guru, kepelbagaian budaya, hubungan akhlak dengan pencapaian akademik, penerapan teori akhlak, ta'dib, kepentingan Al-Quran, serta inovasi dalam pendidikan Islam Islam dan peranan guru yang berkesan dalam membentuk murid yang beriman, bertanggungjawab, dan berbudaya tinggi. Setiap penulis juga memberikan perspektif yang unik dan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran dan peluang dalam pendidikan Islam masa kini.

#### 4. Kesimpulan

Buku ini memberikan satu nilai tambah dalam membangunkan profesionalisme guru pendidikan Islam. Memetik nukilan penulis prakata buku ini: "Proses pembangunan guru pendidikan Islam yang profesional bukanlah satu usaha yang mudah dan memerlukan sokongan dari semua peringkat masyarakat dan pihak berkuasa". Sesungguhnya, al-Quran dan Sunnah haruslah dijadikan panduan kerana pendidikan dalam Islam mempunyai kaitan dengan aspek jasmani dan rohani serta merupakan suatu bentuk kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, pembangunan profesionalisme guru pendidikan Islam haruslah diberikan penekanan yang tinggi bagi memastikan kegemilangan umat dan agama Islam serta mendapat keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Buku ini membawakan sudut pandang yang baharu dan segar mengenai pembangunan profesionalisme guru pendidikan Islam di Malaysia. Semua perbincangan disokong dengan literatur dan rujukan-rujukan yang terkemuka di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Kesinambungan buku ini ditulis dengan membincangkan aspek pembangunan profesionalisme guru pendidikan Islam terutamanya bagi mendepani khalayak yang kurang memahami agama Islam mahupun khalayak bukan Islam. Sebagai contoh tauladan kepada masyarakat sekitar, guru pendidikan Islam mahupun guru-guru Muslim yang mengajar ilmu bidang selain pendidikan Islam mempunyai reputasi yang tinggi pada mata masyarakat. Walaupun sering diuji dengan ancaman pemodenan, guru tetap menjalankan tugas sebagai pendidik jiwa masyarakat tanpa jemu dan lelah. Maka, persiapan yang jitu perlulah diberikan perhatian terutamanya apabila arus pemodenan menjadi perantara utama dalam kehidupan seharian para pelajar.

Akhir sekali, turut dicadangkan agar siri penulisan buku ini dilanjutkan lagi dengan mengupas tentang cara-cara pengajaran guru-guru cemerlang Pendidikan Islam dalam penggunaan teknologi terkini sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Kupasan mengenai penggunaan teknologi terkini yang digunakan oleh guru-guru cemerlang Pendidikan Islam sewaktu menyampaikan isi kandungan mata pelajaran akan memberikan impak yang signifikan kepada diri pelajar seterusnya menjadikan guru-guru sebagai pendidik yang relevan dengan perubahan zaman. Kepentingan seorang guru mempunyai ilmu dan kemahiran teknologi terkini serta berkeupayaan menggabungkan penggunaan media sosial dalam menyampaikan isi pengajaran adalah langkah mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran kerjaya seorang pendidik dalam dunia pendidikan.

## 5. Rujukan

- Noornajihan Jaafar. (2016). Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (1st ed.). Malaysia: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).